

06 JAN 1997

Mahathir-Konsensus

SISTEM KONSENSUS BN UNTUK JAGA KEPENTINGAN PARTI KOMPONEN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sistem konsensus yang diamalkan Barisan Nasional (BN) adalah untuk menjaga kepentingan semua parti komponen.

Perdana Menteri berkata sekiranya sistem itu hendak dikaji semula beliau yakin parti-parti kecil dalam BN akan berasa mereka hilang kedudukan.

"Untuk menentukan itu pun (kaji semula sistem konsensus), kita mesti ada konsensus dahulu. Kalau konsensus setuju, okay. Tetapi saya yakin parti-parti kecil akan berasa mereka hilang kedudukan," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 dan merasmikan Simposium kebangsaan MS ISO 9000 di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas syor supaya sistem konsensus yang diamalkan oleh BN dikaji semula bagi memudahkan lebih banyak parti politik menyertainya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata perkara itu boleh dibincangkan.

Apabila ditanya sama ada kajian semula terhadap sistem itu sesuai dilakukan sekarang, Dr Mahathir berkata: "Kalau kita kaji balik, MIC akan kalah kerana ia parti minoriti."

Ketua Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi selepas merasmikan Perhimpunan Agung kelima Parti Kemajuan India (IPF) semalam berkata saranan IPF supaya sistem itu dikaji semula akan dibawa ke pengetahuan Dr Mahathir bagi membolehkan IPF menganggotai BN. -- BERNAMA

NHD HS NMO